

22/04/1998

Panduan IPTA hasilkan tenaga pakar negara

Hizral Tazzif Hisham

PERBADANAN Pembangunan Multimedia (MDC), agensi pemasaran Koridor Raya Multimedia (MSC), menerbitkan buku bertajuk A Journey to Excellence in Institutions of Higher Learning, bagi memberi panduan kepada institusi pengajian tinggi tempatan menghasilkan knowledge workers yang diperlukan.

Buku karangan Pengarah Strategi MDC, Dr Norsaidatul Akmar Mazelan dan rakan yang dijangka berada di pasaran Mei ini, membicarakan mengenai kepentingan teknologi maklumat (IT) kepada negara di samping keperluan mengeluarkan guna tenaga mahir yang dapat menampung keperluan syarikat IT yang beroperasi di dalam MSC.

Buku yang mengandungi lima bab itu yang mana setiap bab membicarakan secara khusus mengenai pendidikan dalam era digital, termasuk isu utama iaitu kemampuan institusi pengajian tinggi tempatan mengeluarkan graduan yang mempunyai kemahiran dalam bidang IT.

Bab pertama menghuraikan mengenai Wawasan 2020 yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk membentuk masyarakat madani dan kaya maklumat serta cabaran yang akan dihadapi ke arah pembentukannya.

Antara cabaran yang dikenal pasti ialah perkembangan pesat IT dan komunikasi, liberalisasi dan globalisasi.

Bab kedua mengulas mengenai strategi yang dilaksanakan antara syarikat IT dan universiti untuk menjalinkan kerjasama erat antara industri dan institusi pengajian tinggi bagi menubuhkan pusat penyelidikan & pembangunan (P&P) serta program pertukaran.

Bab ketiga membicarakan berkenaan jenis penilaian dan kriteria yang digunakan untuk menentukan kualiti graduan yang dikeluarkan IPTA, terutamanya mencapai objektif mewujudkan knowledge workers.

Bagi IPTA yang berminat untuk mendapat status IPT MSC, terdapat tujuh aktiviti utama yang perlu dipenuhi sebelum melayakkan mereka mendapatnya daripada MDC, perbincangan itu boleh didapati dalam bab keempat.

MDC akan membantu IPTA tempatan dengan percambahan idea baru dan inovatif bagi memastikan kualiti IPTA sentiasa dipertingkatkan bagi memenuhi tuntutan pembentukan knowledge workers, pembaca boleh memperoleh maklumat ini dalam bab kelima.

Bab terakhir menyimpulkan semua elemen penting yang dapat membantu IPTA mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan selaras dengan kedatangan era digital.

Antara elemen yang dikenal pasti ialah kekurangan pekerja bekemahiran dan berpengetahuan tinggi, kerjasama antara IPTA dan industri, penilaian dan standard serta pengurusan terhadap perubahan.

(END)